



13 Februari 2017
13 February 2017
P.U. (A) 50

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) 2017

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Kelantan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 14 Februari 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadua Pertama—

(a) di bawah kepala “Negeri Sembilan Darul Khusus”—

(i) dengan menggantikan butiran 5 dengan butiran yang berikut:

“5. (*Laluan 5*): *Jalan Port Dickson–Lubok Cina*

Dari persimpangannya dengan Laluan 53, Jalan Seremban-Port Dickson di koordinat U 2.544192, T 101.802196 dan berakhir di sempadan negeri Negeri Sembilan/Negeri Melaka di koordinat U 2.456216, T 102.071363 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 11: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan (jarak sepanjang 49.60 km).”;

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 23 butiran yang berikut:

“24. *(Laluan 363): Jalan Sunggala–Pasir Panjang*

Dari persimpangannya dengan Laluan 5, Jalan Port Dickson-Lubok Cina di koordinat U 2.430813, T 101.914022 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 219, Jalan Sua Betong-Sunggala di koordinat U 2.483168, T 101.868493 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan (jarak sepanjang 9.05 km).

25. *(Laluan 364): Jalan Pintas Teluk Kemang*


Dari persimpangannya dengan Laluan 5 Jalan Port Dickson-Lubok Cina di koordinat U 2.440964, T 101.861037 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 363, Jalan Sunggala-Pasir Panjang di koordinat U 2.465671, T 101.892176 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan (jarak sepanjang 4.48 km).

26. *(Laluan 365): Jalan Pintas Teluk Pelanduk*


Dari persimpangannya dengan Laluan 5 Jalan Port Dickson-Lubok Cina di koordinat U 2.427773, T 101.889608 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 364, Jalan Pintas Teluk Kemang di koordinat U 2.450494, T 101.876783 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan (jarak sepanjang 2.93 km).”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas PETA 10: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN peta yang berikut:

“PETA 11: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN



PETA 12: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN



(b) di bawah kepala “Negeri Terengganu Darul Iman”—

(i) dengan menggantikan butiran 26 dengan butiran yang berikut:

“26. (Laluan 36): Jalan Aring 8–Kenyer–Kuala Jeneris

Dari sempadan negeri Negeri Kelantan/Negeri Terengganu di koordinat U 4.998838, T 102.500347 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 247, Jalan Kuala Berang–Sungai Tong di koordinat U 5.193255, T 102.884403 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 10: Jalan Aring 8–Kenyer–Kuala Jeneris (jarak sepanjang 74.30 km).”; dan